

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 26 OKTOBER 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 14

### Keluar garis panduan kenaikan gaji tahunan

# Keluar garis panduan kenaikan gaji tahunan

**Kerajaan** akan mengeluarkan garis panduan kenaikan gaji tahunan bagi setiap sektor dan kategori pekerjaan seiring pelaksanaan Dasar Gaji Progresif.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata hanya majikan yang membayar gaji berdasarkan garis panduan itu layak menyertai dasar berkenaan, sekali gus membolehkan mereka menerima bantuan berteraskan insentif yang akan diperkenalkan kerajaan kelak.

“Bagaimanapun, peruntukan bagi pemberian insentif bergantung kepada kemampuan kewangan kerajaan dan disemak semula dari semasa ke semasa.

“Dasar ini juga mewajibkan pekerja untuk menghadiri latihan peningkatan kemahiran yang diiktiraf oleh kerajaan bagi membolehkan majikan menawarkan kenaikan gaji,” katanya dalam jawapan bertulis menjawab soalan Datuk Ahmad Amzad Mohamed (PN-Kuala Terengganu) di Dewan Rakyat semalam.